



Zulkifli Deraman bersama isteri, Mariam Muda membersihkan rumah yang berlumpur akibat banjir kilat di Kampung Chabang Empat, Chendering, semalam.

Lima pusat pemindahan banjir ditutup

➔ 303 mangsa di Kemaman dibenar pulang petang semalam

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Shamsudin Husin
bhkt@bh.com.my

Chukai

Lima daripada enam pusat pemindahan banjir di daerah Kemaman dan Kuala Terengganu yang dibuka sejak kelmarin, ditutup sepenuhnya jam 6 petang semalam.

Pemangku Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Rusmi Mahmood, berkata hanya satu lagi pusat pemindahan yang masih dibuka iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Chendering, Kuala Terengganu. Katanya, pusat peminda-

han SK Chendering itu masih menempatkan tujuh mangsa daripada tiga keluarga hingga jam 6 petang semalam.


Ditutup sepenuhnya

"Dua pusat pemindahan di Balai Raya Kampung Gong Tok Nasek dan SK Pasir Panjang di Kuala Terengganu ditutup sepenuhnya petang semalam.

"Semua 303 mangsa yang ditempatkan di tiga pusat pemindahan di Kemaman iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Badrul Alam Shah, Kemasik; SK Telong Kalong dan Balai Raya Kampung Titian Baru, sejak petang semalam (kelmarin), juga sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, petang semalam," katanya.

Info

AMARAN HUJAN LEBAT



Angin kencang dijangka melanda enam negeri

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) melaporkan ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang dijangka melanda enam negeri selama tiga hari bermula hari ini hingga Sabtu.

Menerusi laman webnya yang dimuat naik pada jam 6.10 petang semalam, jabatan itu mengeluarkan amaran kuning bagi penduduk di Terengganu, Kelantan, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan bahagian utara Perak.

Kadaan itu menyebabkan angin kencang hingga 50 kilometer sejam (km/j) dan laut bergelora dengan ombak mencecah ketinggian 3.5 meter.

Fakta nombor

6 PUSAT pemindahan banjir di Kemaman

1 PUSAT pemindahan banjir masih menempatkan tujuh mangsa setakat petang semalam